PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2014

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

HARI KHAMIS : 13 NOVEMBER 2014

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 9 HINGGA 48)

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 8)

NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

SOALAN NO: 9

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG

TARIKH: 13 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Datuk Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah dan peratusan pekerja kasar Bumiputra (buruh tempatan Sarawak terutama kaum Dayak) yang mendapat pekerjaan di sektor pembuatan (kilang-kilang), pembinaan, perladangan, perkhidmatan dan sebagainya di negara ini. Berapakah pendapatan bulanan (purata) mereka dan adakah ia setimpal dengan hasrat Kerajaan untuk negara kita mencapai negara maju menjelangW2020.

PR-1323-L63394

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2014, (suku kedua tahun 2014) guna tenaga kerja Negeri Sarawak adalah seramai 1.180 juta. Daripada jumlah tersebut, Pekerja Asas (pekerja bawahan) adalah seramai 211,000 orang atau 18% daripada keseluruhan jumlah guna tenaga Negeri Sarawak. Jumlah Pekerja Asas (Buruh) Bumiputera Dayak adalah 122,500 orang atau 58% dari jumlah pekerja asas di Sarawak.

2. Tiga sektor utama yang diceburi oleh Bumiputera Sarawak adalah dalam sektor perkhimatan (50.4%), pertanian (32.4%) dan pembinaan (8.2%).

Tuan Yang Di Pertua,

3. Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2014, median gaji keseluruhan guna tenaga di Sarawak bagi tahun 2014 adalah RM1,200 sebulan. Perubahan dalam peningkatan gaji di Sarawak dalam tiga tahun 2010 hingga 2013 adalah 4.6 peratus setahun. Dengan peningkatan dan juga factor ekonomi lain, diharapkan sekurang-kurangnya gaji purata pekerja di Negeri Sarawak, terutamanya pekerja golongan bawah (buruh) meningkat melebihi paras gaji minimum RM800 sebulan.

Soalan No :10

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG]

TARIKH : 13.11.2014

SOALAN :

Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik masalah disiplin, ponteng, gangsterisma dan gejala sosial yang melibatkan pelajar di peringkat Sekolah Rendah, Menengah dan Menengah Atas di seluruh negara serta cadangan penyelesaiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Isu yang melibatkan disiplin murid secara keseluruhannya berada dalam situasi yang terkawal. Statistik salah laku disiplin murid yang direkodkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam tempoh lima (5) tahun (2009-2013) menunjukkan ianya berada pada kadar purata 2.04 peratus. Kes-kes disiplin yang disebutkan termasuklah isu ponteng sekolah, kes berat seperti berunsur jenayah. Hal ini menunjukkan bahawa sekitar 2-3 peratus murid yang masih perlu diberi perhatian sewajarnya.

Bagi menangani isu berkaitan, tindakan seperti berikut diambil oleh pihak sekolah iaitu:

1. Selain penerapan nilai-nilai murni menerusi dalam bilik darjah, murid-murid sering diperingatkan mengenai keburukan kegiatan tersebut menerusi perhimpunan di sekolah.
2. Mengadakan ceramah khas mengenai keburukan kegiatan tersebut dengan melibatkan pihak polis.
3. Perkhidmatan kaunseling di sekolah berkenaan akan dilakukan secara lebih berfokus kepada permasalahan sosial pelajar.
4. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah akan dikenakan sebagai usaha akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

Di antara kerjasama yang telah dijalinkan dengan kerjsama pihak luar adalah :-

1. Mewujudkan kerjasama erat bersama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) khususnya menerusi program Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang sering melawat serta berbincang dengan pihak sekolah bagi mengatasi gejala tersebut.
2. Melibatkan ibu bapa menerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan masyarakat dalam aktiviti di sekolah.
3. Menubuhkan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah iaitu dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF). Aktiviti serta jumlah Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah telah diperkemaskan dengan menumpu kepada golongan sasar yang berisiko di sekolah.
4. Bekerjasama dengan pihak PDRM dan MCPF bagi melaksanakan aktiviti pencegahan jenayah di peringkat negeri dan daerah. Pada tahun 2010, KPM telah mengarahkan semua Jabatan Pelajaran

Negeri untuk melaksanakan aktiviti khusus di peringkat masing-masing bersama PDRM dan MCPF.

Usaha pemulihan yang telah dijalankan :

1. Sekiranya didapati murid terlibat dengan kegiatan tersebut, pihak sekolah akan menyiasat sejauh mana penglibatannya dan dalam hal ini, bantuan daripada pihak polis akan diminta.
2. Ibu bapa murid terlibat akan dimaklumkan bagi mendapatkan kerjasama dalam menangani masalah ini.

Murid berkenaan akan dirujuk kepada guru Bimbingan dan Kaunseling untuk proses kaunseling, dan sekiranya ia berpunca daripada masalah rumah tangga, maka kes ini akan dirujuk terus kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

RJM113

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK**
		[LUBOK ANTU]
TARIKH	:	**13.11.2014 (KHAMIS)**
SOALAN	:	**11**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan setakat mana pembinaan jalan-jalan luar bandar seperti Jalan Ng. Kesit ke Ulu Lemanak dan Jalan dari Ulu Kesit menuju Ulu Sg. Engkari diberi keutamaan sebagai salah satu program transformasi pembangunan luar bandar untuk menaik taraf kehidupan penduduk luar bandar kerana di kawasan inilah paras kemiskinan rakyat amatlah begitu tinggi.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk, jalan-jalan yang telah disenaraikan tiada dalam senarai projek-projek Kementerian ini. Namun Begitu, pihak Kementerian akan memanjangkan permohonan ini kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak untuk menjalankan siasatan bagi tujuan permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk disenaraikan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) Tahun 2016. Walau bagaimanapun, permohonan ini adalah tertakluk kepada kelulusan UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan.

NO SOALAN :12

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA	:	**Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD (PASIR PUTEH)**
PERTANYAAN	:	**LISAN**
TARIKH	:	**13.11.2014**

Y.B. DATO' DR NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan membuat penyemakan semula ke atas kadar bayaran insurans kenderaan bermotor yang membebankan pengguna pendapatan rendah dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin meningkat sekarang.

JAWAPAN

Sebelum tahun 2012, Tarif Motor tidak pernah dikaji semula selama lebih daripada 30 tahun yang lalu. Oleh kerana kos tuntutan insurans motor semakin meningkat selaras dengan kenaikan dalam jumlah kes

kemalangan, kos perubatan, kos alat ganti kenderaan dan lain-lain lagi, keadaan ini telah menyebabkan jurang di antara tuntutan dibayar berbanding premium yang dikutip semakin meluas. Pada tahun 2012, bagi setiap RM1.00 premium insurans motor yang dikutip oleh penanggung insurans, sebanyak RM2.70 telah dibayar sebagai pampasan bagi kematian dan kecederaan pihak ketiga sahaja. Selain daripada itu, pelarasan kadar premium pula adalah kecil. Misalnya, bagi perlindungan pihak ketiga, seseorang pemilik motosikal 110cc dikenakan premium tambahan yang sangat kecil di antara RM1.00 dan RM3.50 setahun atau maksimum 30 sen sebulan. Bagi pemilik kenderaan persendirian 1400cc pula, premium tambahan adalah di antara RM6 hingga RM34 setahun atau maksimum RM2.80 sebulan.

Jika premium insurans ditetapkan pada tahap yang terlalu rendah, penanggung insurans tidak akan mempunyai dana yang mencukupi untuk membayar tuntutan. Ini akan menjejaskan kepentingan orang awam yang kemungkinan tidak dapat memperoleh pampasan kewangan yang mencukupi bagi kecederaan atau kesulitan yang dialami akibat berlakunya sesuatu kemalangan jalan raya.

Sebagai usaha penambahbaikan, satu Jawatankuasa Kerja Bersama (JWC) telah diwujudkan dan antara inisiatif Rangka Kerja Tarif Motor yang telah diperkenalkan adalah seperti berikut:

- Melaraskan kadar premium pada jumlah yang tidak membebankan orang ramai dan dilaksanakan secara berperingkat selama empat tahun dari tahun 2012 sehingga 2015; dan
- Memperkenalkan beberapa inisiatif untuk mempercekapkan proses tuntutan insurans motor dan mengekang peningkatan dalam kos tuntutan.

Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan bahawa Tarif Motor akan mula dinyahkan secara beransur-ansur bermula tahun 2016 di mana premium insurans motor akan ditentukan mengikut profil risiko. Di bawah sistem ini, pemilik kenderaan yang mempunyai profil risiko yang baik dan memandu secara cermat akan menikmati premium insurans motor yang lebih rendah berbanding pemilik kenderaan yang lebih berisiko tinggi.

Soalan No :13

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL [PAYA BESAR]

TARIKH : 13.11.2014

SOALAN :

Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi Kementerian merealisasikan konsep sekolah wawasan yang kini masih pada peringkat percubaan di dalam sistem pendidikan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sekolah Wawasan adalah sekolah rendah yang berkonsepkan belajar bersama-sama dalam satu kawasan yang sama tanpa mengira kaum atau agama. Di bawah konsep ini, dua (2) atau tiga (3) buah sekolah rendah berlainan aliran akan ditempatkan dalam kawasan yang sama. Tiap-tiap buah sekolah akan mempunyai bangunan sendiri yang boleh disambung antara satu dengan lain dengan menggunakan jambatan penghubung (*link-way*).

Matlamat Sekolah Wawasan adalah:

a) Mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid-murid yang berbagai-bagai bangsa dan latar belakang.

b) memupuk semangat integrasi antara pelajar dari pelbagai aliran.

c) melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu.

d) menggalakkan interaksi yang maksimum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di sekolah.

Sekolah Wawasan yang diilhamkan oleh kerajaan merupakan wadah terbaik untuk memupuk perpaduan kaum bermula di peringkat awal persekolahan. Dengan adanya konsep Sekolah Wawasan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yakin kejayaan integrasi kaum boleh direalisasikan menerusi pelbagai aktiviti yang dilaksanakan secara bersama-sama dan berterusan yang menjadi salah satu alternatif untuk memupuk integrasi kaum. KPM berpandangan bahawa sistem persekolahan yang telah diamalkan sekarang wajar diteruskan.

Soalan No :14

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN [TEMERLOH]

TARIKH : 13.11.2014

SOALAN :

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [Temerloh] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) tindakan-tindakan yang dibuat bagi meningkatkan kesesuaian kursus yang ditawarkan dan dipelajari di universiti dengan kehendak semasa industri; dan

(b) peluang-peluang kerjaya bagi kursus yang ditawarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kolaborasi yang baik antara universiti dan industri merupakan antara agenda utama yang sering ditekankan oleh Kementerian Pendidikan khususnya untuk: **yang pertama**, menghasilkan graduan dan tenaga pengajar yang memenuhi keperluan industri; dan **yang kedua**, membudayakan dan meningkatkan perkongsian teknologi. Dalam usaha untuk memastikan kursus yang ditawarkan dan dipelajari di universiti sesuai dengan kehendak industri, beberapa mekanisma telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian antaranya:

(b) Sekiranya dilihat daripada *trend* semasa, keperluan tenaga kerja oleh industri adalah bersifat begitu terbuka. Contohnya bagi pegawai perakaunan, permohonan tidak terbuka hanya kepada mereka yang mempunyai ijazah dalam bidang perakaunan. Bahkan juga dibuka kepada pelbagai bidang yang akan ditentukan kesesuaian berdasarkan keupayaan calon untuk meyakinkan pihak majikan semasa dalam proses pemilihan atau temu duga.

Setiap siswazah yang telah menamatkan pengajian di peringkat ijazah pada hakikatnya memiliki peluang yang sama rata dalam aspek kerjaya, yang mana keputusan muktamad akhirnya bergantung kepada pihak industri berdasarkan keupayaan siswazah tersebut untuk meyakinkan pihak industri berhubung dengan aset yang dimiliki sama ada daripada aspek *softskill* atau *hardskill,* yang mana aset tersebut boleh digunakan oleh industri untuk meningkatkan atau melipatgandakan keuntungan syarikat.

SOALAN NO: 15

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Datuk Jumat bin Idris [Sepanggar]**

TARIKH : **13 November 2014**

SOALAN : **Datuk Jumat bin Idris** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha Kementerian melalui Lembaga Perikanan Malaysia (LKIM) untuk membantu nelayan pantai di daerah Kota Kinabalu khususnya untuk membina jeti pendaratan ikan di Sepanggar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah membina 3 buah jeti pendaratan ikan di Sepanggar, Sabah iaitu di Kampung Numbak dan Kampung Unggun melibatkan peruntukan berjumlah RM276,800. Dianggarkan seramai 370 orang nelayan telah menerima faedah hasil daripada pembinaan jeti-jeti tersebut. Pembinaan jeti ini telah membantu memusatkan pendaratan ikan di kawasan Sepanggar serta meningkatkan kualiti ikan.

NO. SOALAN: 16

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia merupakan negara Islam atau Islamic state, melihat kita mempunyai agama persekutuan dan berdasarkan kesultanan Melayu beragama Islam.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan **agama Islam adalah agama bagi Persekutuan,** tetapi agama-agama lain boleh

diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan. Kedudukan ini diperkukuhkan lagi dengan adanya peruntukan-peruntukan lain yang menjaminnya, antara lain–

(a) Fasal (4) Perkara 11 [berkenaan dengan penyekatan pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan penganut agama Islam oleh undang-undang Negeri atau Persekutuan];

(b) Fasal (2) Perkara 12 [tentang hak berkenaan dengan pendidikan, di mana sah bagi Persekutuan atau sesuatu Negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan yang perlu];

(c) Fasal (1A) Perkara 121 [bahawa Mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah];

(d) butiran 1 Senarai Negeri Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan [yang antaranya termasuk hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam dan mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam]; dan

(e) ikrar Yang di-Pertuan Agong dalam Jadual Keempat untuk memelihara agama Islam pada setiap masa.

Disamping itu, Undang-undang tubuh negeri-negeri turut memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi negeri. Sebagai contoh, Perkara 47 Undang-Undang Tubuh Negeri Selangor 1959 yang memperuntukkan seperti berikut :

"The religion of the State shall be the Muslim religión as heretofore professed and practised in the State : Provided that all other religions may be practised in peace and harmony by the persons professing them in any part of the State."

Selain itu, fakta sejarah juga menunjukkan bahawa Malaysia telah ditubuhkan berasaskan Kerajaan Islam Kesultanan Melayu dan Raja-Raja Melayu merupakan Ketua Agama Islam bagi negeri masing-masing.

Pada masa yang sama, pendapat ulama (sarjana) Islam juga dirujuk dan mentakrifkan Negara Islam (Darul Islam) ialah negara yang berada di bawah kuasa pemerintahan Islam, dalam makna kekuatan dan pertahanannya berada di tangan Islam. Negara seperti ini wajib dipertahankan oleh setiap muslim. Imam-imam mazhab yang empat, juga mentakrifkan negara atau bumi yang berada di bawah kekuasaan umat Islam dan kedaulatan mereka, dimana umat Islam dapat mengamalkan Islam secara terbuka dan mampu

mempertahankan diri daripada serangan musuh sama ada kemasukan tersebut berlaku melalui peperangan, dengan cara damai atau sebagainya.

Oleh yang demikian, berdasarkan peruntukan undang-undang, latar belakang sejarah dan pandangan ulama (sarjana) Islam, maka semua pihak harus menerima kedudukan Malaysia sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Pertsekutuan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [TANJONG MANIS]**
TARIKH	:	**13 NOVEMBER 2014**
RUJUKAN	:	**7359**

SOALAN:

Datuk Hajah Norah bintiAbd Rahman [TanjongManis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah siasatan dilakukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk mencari sumber yang memberikan nombor telefon bimbit dan emel kepada sindiket yang melakukan penipuan (scam) melalui emel, SMS dan telefon bimbit dan apakah tindakan yang dilakukan kepada mereka yang memberi maklumat ini kepada orang yang tidak sepatutnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar dan peka kepada trend jenayah masa kini terutamanya peningkatan kes-kes jenayah siber. Fenomena ini bukan hanya berlaku di negara ini sahaja tapi seluruh dunia memandangkan penggunaan media elektronik telah menjadi budaya masyarakat kini. PDRM telah mengambil langkah proaktif bagi membendung gejala ini dan memastikan rakyat tidak menjadi mangsa penipuan jenayah siber ini.

Antara langkah yang diambil untuk menangani jenayah ini termasuk yang menggunakan nombor palsu Bukit Aman dan juga agensi lain seperti Bank Negara, Bank-bank dan jabatan Kerajaan yang lain iaitu:-

i) Menjalankan siasatan dan membuat tangkapan terhadap sindiket yang telah dikenalpasti dan menuduh mereka di Mahkamah jika mempunyai cukup bukti.

ii) Bekerjasama dengan pengkuatkuasa luar negera terutama dengan polis Taiwan dan China dalam mendapatkan maklumat risikan memandangkan *CALL CENTER* sindiket Macau Scam dipercayai beroperasi di negara berkenaan.

iii) Hebahan kepada rakyat melalui media massa, media cetak, TV dan radio serta media sosial PDRM (Laman Web, Facebook dan

Twitter) untuk tujuan peringatan serta kempen kesedaran kepada rakyat bahawa jika mereka menerima panggilan hendaklah menghubungi pihak polis untuk memaklumkan kejadian atau membuat pengesahan maklumat yang diterima.

iv) Memberi nasihat dan hebahan kepada rakyat bahawa tidak pernah pihak bank atau agensi jabatan Kerajaan meminta wang untuk dipindahkan ke akaun individu bagi tujuan keselamatan daripada mangsa yang terlibat.

Pihak yang menjadi mangsa perlulah memberikan maklumat kepada pihak polis untuk menjalankan siasatan dan masyarakat disaran jangan cepat mempercayai dan terpedaya dengan sebarang dakwaan, tawaran, pujukan, pemberian hadiah dan rayuan yang diberikan oleh pihak yang tidak dikenali tapi perlulah merujuk kepada pihak yang berkenaan terlebih dahulu untuk pengesahan panggilan yang diterima.

No. Soalan: 18
PR-1323-L63641

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]**
TARIKH	:	**13 NOVEMBER 2014**
SOALAN	:	**YB Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]** minta **YB MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah isu-isu utama yang akan diperjuangkan oleh Kerajaan jika kita menang kerusi Ahli Majlis Keselamatan PBB.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana yang dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia telah terpilih sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016 menerusi undian yang telah diadakan pada 16 Oktober 2014 di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, New York, Amerika Syarikat. Malaysia akan memulakan tanggungjawabnya sebagai anggota Majlis tersebut pada 1 Januari 2015.

2. Selaras dengan tema pencalonan Malaysia, "Keselamatan dan Keamanan Melalui Kesederhanan", Malaysia telah menyenaraikan lima (5) keutamaan yang akan diketengahkan sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB bagi penggal 2015-2016. Keutamaan-keutamaan tersebut adalah **usaha penyelesaian pertikaian secara damai melalui pendekatan kesederhanaan** (*moderation*); **pengantaraan** (*mediation*) sebagai pendekatan ke arah kedamaian; **pengukuhan operasi dan pelaksanaan misi pengaman PBB; pembinaan keamanan** (*peacebuilding*) **bagi negara-negara pasca konflik** serta **pembaharuan Majlis Keselamatan PBB yang lebih komprehensif**.

3. Keutamaan ini telah dikenalpasti berdasarkan penglibatan negara yang konsisten dalam isu pengantaraan melalui pendekatan kesederhanaan (*moderation*) yang dibuktikan semasa peranannya sebagai pemudahcara (*facilitator*) dalam usaha penyelesaian damai di rantau ini. Di samping itu, Malaysia

merupakan salah sebuah negara anggota PBB yang bergiat aktif di lebih 30 misi-misi pengaman PBB di serata dunia. Ini juga terbukti melalui peranan Malaysia sebagai ahli Jawatankuasa Organisasi Suruhanjaya Keamanan PBB (*UN Peacebuilding Commission's Organizational Committee*) serta program latihan yang diberikan untuk membantu negara-negara membangun menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (*Malaysian Technical Cooperation Programme* - MTCP).

4. Malaysia akan terus mempamerkan sokongan padu terhadap peranan yang dimainkan oleh Majlis Keselamatan PBB dengan bekerjasama erat bersama negara-negara anggota Majlis Keselamatan yang lain dalam usaha mencari penyelesaian yang aman dan berterusan bagi konflik-konflik antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7211

SOALAN:

Datuk Juslie bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan hasil setakat ini menerusi pasukan khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi menyiasat dan memburu individu yang menggerakkan usaha untuk membawa Sabah keluar dari Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Kementerian memandang serius tentang isu yang boleh menjejaskan perpaduan dan juga keharmonian yang terpelihara sekian lama terutama isu yang berkaitan dengan isu kemerdekaan negara seperti usaha menggerakkan untuk membawa keluar Sabah dan Sarawak keluar dari Malaysia oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Kumpulan atau orang perseorangan ini menggunakan laman sosial dengan menyebarkan dakyah dan maklumat-maklumat yang palsu dan tidak tepat dengan tujuan untuk menghasut rakyat terutama di Sabah dan Sarawak agar keluar dari Malaysia. PDRM tidak akan berdiam diri untuk menyiasat dan membawa petualang negara ini ke muka pengadilan.

Pihak PDRM telah membuka kertas siasatan berkaitan tulisan dalam blog di laman sosial berkaitan perkara ini seperti berikut:-

i) **Karamunsing repot 13205/14 bertarikh 2 September 2014 di bawah seksyen 4 (1) Akta Hasutan. Suspek menggelarkan dirinya sebagai Doris Jones dengan menubuhkan Pertubuhan Sabah, Sarawak Keluar Malaysia dan telah membuat *posting* di *Facebook, Twitter, Blog, Newsletter*, seminar dan ceramah dengan menanam kebencian terhadap Kerajaan Persekutuan, menghina pemimpin negara, menghina orang Melayu dan**

agama Islam. Siasatan masih dijalankan dengan bantuan SKMM bagi mengenalpasti domain pemilik laman sosial berkenaan.

ii) Tuaran Repot 3131/2014 di bawah Seksyen 4 (1) Akta Hasutan 1948 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi Multimedia 1998. Siasatan mendapati cubaan satu laman web bagi mengeluarkan kenyataan yang berunsur fitnah dan hasutan agar Sabah dan Sarawak keluar Malaysia. Laman web berkenaan http:/www.gopetition.com/petitition/sabah-sarawak-right.html yang bertajuk "Sabah Sarawak Keluar Malaysia". Siasatan mendapati pemilik laman blog menggunakan laman blog sebagai medan menyebarkan fakta-fakta yang tidak benar memburukkan Kerajaan Malaysia. Kertas siasatan masih menunggu laporan daripada SKMM bagi mengenalpasti pemilik laman blog tersebut.

iii) Satok Repot 4139/2014 di bawah Seksyen 4 (1)(c) Akta Hasutan 1948. Siasatan berhubung dengan satu laman sosial Facebook yang dikendalikan oleh Presiden Pertubuhan Aspirasi Rakyat Sarawak (SAPA) iaitu Lina Soo telah mengajak orang ramai agar menyertai satu taklimat bertajuk "Malaysia Agreement 1963 (Kuching : Talk On MA63). Laman Facebook SAPA http;/www.facebook.com/sapasarawak telah digunakan bagi menyalurkan pelbagai maklumat yang boleh menjejaskan keharmonian dan ketenteraman awam. Siasatan pihak polis masih lagi diteruskan bagi mengenalpasti tujuan

pergerakan dan fungsi Pertubuhan SAPA menganjurkan sesi taklimat berkenaan.

Adalah diharapkan agar rakyat tidak mudah tertipu dan terpedaya dengan dakyah sedemikian yang boleh merosakkan perpaduan yang dijalin selama ini. Saya menyeru agar rakyat merujuk kepada pihak yang berwajib untuk mendapatkan berita yang benar dan sahih dan tidak terpengaruh atau menerima segala berita di laman sosial sebagai perkara yang benar tanpa membuat pertanyaan dan rujukan kepada pihak berwajib terlebih dahulu.

SOALAN (20)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
TARIKH	:	13 NOVEMBER 2014 [KHAMIS]
DARIPADA	:	Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN]

SOALAN :-

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan berapakah Program Perumahan Rakyat (PPR) telah dan akan dilancarkan dari tahun 2010-2020 di kawasan Sandakan. Berapakah peruntukan telah disediakan untuk maksud ini dan berapakah purata harga rumah seunit.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Ogos 2014, Jabatan Perumahan Negara, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah dan sedang menyiapkan 8 projek (5,180 unit rumah) perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sandakan dengan kos sebanyak RM569.7 juta. Harga jualan bagi seunit rumah adalah RM42,000 bagi Sabah dan Sarawak.

No. Soalan: 21
PR-1323-L64022

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH**
[MUKAH]

TARIKH : **13 NOVEMBER 2014**

SOALAN : **Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang di ambil dalam isu Laut China Selatan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan yang melibatkan Republik Rakyat China dan juga negara-negara ASEAN iaitu Malaysia, Brunei Darussalam, Filipina dan juga Vietnam.

2. Secara umumnya, Malaysia dan negara-negara ASEAN tidak mengiktiraf tuntutan Republik Rakyat China kerana tuntutan negara tersebut tidak selaras dengan peruntukan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang–Undang Laut 1982, atau dengan izin *United Nations Convention on the Law of the Sea 1982 (UNCLOS 1982).*

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Kerajaan berpendirian bahawa tuntutan bertindih di Laut China Selatan perlu diselesaikan secara aman melalui perbincangan dan perundingan berdasarkan undang–undang antarabangsa, termasuklah UNCLOS 1982. Malaysia berpendirian bahawa perundingan secara aman melalui perbincangan dan perundingan merupakan jalan terbaik. Rujukan kepada pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa atau dengan izin *International Court of Justice (ICJ)* atau Tribunal Timbang Tara merupakan opsyen terakhir di dalam mencari penyelesaian. Buat masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk membawa sebarang pertikaian berhubung

kawasan maritim di Laut China Selatan ke pihak ICJ atau Tribunal Timbang Tara.

4. Bagi memastikan keamanan dan kestabilan di kawasan Laut China Selatan, usaha-usaha membina kesalingpercayaan dan mengelakkan konflik sentiasa dijalankan. Ini termasuklah pelaksanaan Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan atau dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) yang ditandatangani oleh negara-negara ASEAN dan China pada 4 November 2002, serta usaha-usaha ke arah merealisasikan Kod Tatalaku di Laut China Selatan dengan izin, *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN: 22

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG LING BIU
[SARIKEI]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Akta Hasutan akan dimasuhkan. Apakah sebab Kerajaan masih tidak mahu memansuhkan Akta Hasutan dengan segera demi prinsip menjaga hak asasi rakyat.

JAWAPAN: <u>PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI</u>
<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Julai 2012, Kerajaan telah membuat keputusan untuk memansuhkan Akta Hasutan 1948 [*Akta 15*] dan menggantikan dengan suatu undang-undang baru yang dikenali sebagai Akta Keharmonian Nasional. Keputusan untuk menggantikan Akta Hasutan 1948 dibuat bagi mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara setiap warganegara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan, dengan keperluan untuk menangani kompleksiti kemajmukan yang wujud di Malaysia.

2. Sungguhpun begitu, Kerajaan amat prihatin dan mengambil maklum akan pandangan dan maklum balas yang telah diberikan oleh pelbagai pihak berhubung dengan isu pemansuhan ini.

3. Sehubungan dengan itu, YAB Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar beliau bertarikh 12 September 2014 telah memaklumkan bahawa rundingan yang menyeluruh akan diadakan dengan semua pihak berkepentingan. Selepas proses rundingan tersebut diadakan, barulah Kerajaan akan menentukan hala tuju yang akan diambil berhubung dengan Akta Hasutan 1948.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]**
TARIKH	:	**13 NOVEMBER 2014**
SOALAN	:	**23**

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah luas kawasan pencarian di Selatan Lautan Hindi yang sudah diterokai bagi mencari serta mengesan lokasi pesawat MH370 dan berapakah kos yang sudah dibelanjakan bagi mencari pesawat MAS terbabit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 5 November 2014, kawasan seluas 3,000 kilometer persegi daripada 160,000 kilometer persegi kawasan pencarian yang dipetakan dalam *bathymetric survey* sudah diterokai bagi mencari serta mengesan lokasi pesawat MH370.

Sehingga kini, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak **RM32,642,167.76** bagi menampung kos operasi mencari dan menyelamat pesawat MH370.

NO SOALAN : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) (LUMUT)**
TARIKH	:	**13.11.2014 (KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapa dalam bulan Ramadan kereta perisai ATM berada di KM 232 Lebuh Raya Utara Selatan hingga boleh terbalik kerana hilang kawalan menyebabkan kematian dan luka parah warga tentera. Berapa jumlah pampasan pihak Kerajaan beri kepada semua waris mangsa yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua,

Kereta perisai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terlibat dalam kemalangan pada 3 Julai 2014 adalah dalam perjalanan untuk latihan menembak kereta perisai di Lapang Sasar Gemas. Kemalangan berkenaan menyebabkan kematian 2 anggota dan 2 anggota lagi telah cedera.

Waris anggota-anggota yang meninggal dunia telah menerima jumlah pampasan dan sumbangan seperti berikut:

a. **Waris Mendiang Sjn Bayong ak Burma telah menerima pampasan dan sumbangan berjumlah RM 272,500.00 berupa sumbangan BAKTI, Insuran Kelompok, Insuran Awam, Bantuan dan Khairat Kematian.**

b. **Waris Allahyarham Kpl Che Mohamad Patanah bin Che Ismail telah menerima pampasan dan sumbangan berjumlah RM 226,500.00 berupa sumbangan BAKTI, Insuran Kelompok, Bantuan dan Khairat Kematian.**

NO SOALAN : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) (LUMUT)**
TARIKH	:	**13.11.2014 (KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengapa dalam bulan Ramadan kereta perisai ATM berada di KM 232 Lebuh Raya Utara Selatan hingga boleh terbalik kerana hilang kawalan menyebabkan kematian dan luka parah warga tentera. Berapa jumlah pampasan pihak Kerajaan beri kepada semua waris mangsa yang terlibat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kereta perisai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terlibat dalam kemalangan pada 3 Julai 2014 adalah dalam perjalanan untuk latihan menembak kereta perisai di Lapang Sasar Gemas. Kemalangan berkenaan menyebabkan kematian 2 anggota dan 2 anggota lagi telah cedera.

Waris anggota-anggota yang meninggal dunia telah menerima jumlah pampasan dan sumbangan seperti berikut:

a. **Waris Mendiang Sjn Bayong ak Burma telah menerima pampasan dan sumbangan berjumlah RM 272,500.00 berupa sumbangan BAKTI, Insuran Kelompok, Insuran Awam, Bantuan dan Khairat Kematian.**

b. **Waris Allahyarham Kpl Che Mohamad Patanah bin Che Ismail telah menerima pampasan dan sumbangan berjumlah RM 226,500.00 berupa sumbangan BAKTI, Insuran Kelompok, Bantuan dan Khairat Kematian.**

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]**
TARIKH	:	**KHAMIS,13 NOVEMBER 2014**
RUJUKAN	:	**L13 [PR-1323-L64498]**
SOALAN	:	

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan sebab projek pembangunan semula Plaza Rakyat diberi secara rundingan terus kepada Profit Consortium Sdn. Bhd., adakah Ahli-ahli politik memegang saham secara langsung ataupun tidak langsung di dalam syarikat itu, berapakah kos yang ditanggung oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam projek tersebut dan tarikh projek itu akan disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Segambut, sehingga kini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur belum ada keputusan untuk penjualan tanah kepada mana-mana pihak termasuk Tetuan Profit Consortium Sdn. Bhd.

Berkaitan dengan itu juga, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur masih tiada keputusan untuk melantik Tetuan Profit Consortium Sdn. Bhd. secara rasmi untuk mengambil alih projek Plaza Rakyat.

NO. SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

a) berapa banyak Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management*) yang telah dijalankan sejak tahun 2005 serta bilangan sukarelawan yang telah dilahirkan dari pelaksanaan program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management*) ini; dan

b) berapakah kos yang telah terlibat di dalam melaksanakan Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management*) tersebut sejak pertama kali diadakan pada tahun 2005 sehingga sekarang.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management* – CBDM) merupakan antara program kesedaran awam yang dianjurkan oleh Agensi Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kesiapsiagaan bencana sejak tahun 2010. Sebelum tahun 2010, antara program kesedaran awam yang dilaksanakan adalah program kesedaran awam mengenai gempa bumi, ceramah keselamatan, kempen kesedaran awam mengenai bencana gempa bumi, tsunami dan cuaca ekstrem; bengkel pemantapan pengurusan dan bantuan bencana, taklimat mengenai bencana dan lain-lain program.

Program CBDM ini diadaptasi daripada kurikulum yang dilaksanakan *Asian Disaster Preparedness Centre* (ADPC) dan dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM). Di Malaysia, program CBDM ini dijalankan dengan memberikan penumpuan kepada peningkatan kesedaran awam serta ketahanan terhadap bencana di daerah-daerah yang mempunyai *hotspots* kemungkinan berlaku bencana berskala besar dan terdedah kepada risiko seperti banjir, tsunami, gempa bumi dan sebagainya.

Tujuan utama penganjuran program CBDM ini adalah untuk menerapkan konsep bantu diri; bantu jiran; dan bantu masyarakat seperti yang telah diterapkan secara meluas di Jepun.

Sebanyak tiga (3) siri program diadakan di setiap negeri dengan anggaran kos penganjuran bagi satu siri program CBDM adalah sebanyak RM10,000. Kos tersebut meliputi perbelanjaan bagi penyediaan bahan edaran seperti risalah kepada peserta, kos penyediaan sajian serta hal-hal keurusetiaan. Sehingga Oktober 2014, seramai 15,113 peserta telah menyertai program ini di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 13 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan sekiranya ada syarikat yang melaksanakan rentikerjasentara.

PR-1323-L64268

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pemberhentian kerja sementara (*lay-off)* merupakan salah satu langkah awal yang diambil oleh pihak majikan bagi tujuan mengelakkan pemberhentian pekerja akibat daripada faktor-faktor seperti penutupan syarikat, penyusunan semula syarikat, pengurangan pengeluaran, penggabungan syarikat, perubahan teknologi, pengambilan syarikat, kegawatan ekonomi dan lain-lain. lanya dilakukan dalam bentuk penutupan sementara (*temporary shut down)* dengan menawarkan gaji yang berpatutan dan membantu mereka mendapatkan kerja sementara di tempat lain sehingga

operasi dapat diteruskan semula. Walaubagaimanapun, pelaksanaan ini hendaklah dilakukan dengan persetujuan pekerja atau kesatuan sekerja yang mewakili mereka.

2. *Lay-off* ini telah diperuntukkan di dalam Peraturan-Peraturan Kerja (Faedah-Faedah Penamatan Dan Pemberhentian Kerja Sementara) 1980. Pekerja disifatkan sebagai diberhenti kerja sementara hendaklah dibayar faedah pemberhentian kerja sementara sekiranya majikan tidak memberi kerja sekurang-kurangnya sejumlah 12 hari kerja biasa dalam suatu tempoh empat minggu berturut-turut dan pekerja tidak berhak mendapat apa-apa saraan di bawah kontrak bagi tempoh atau tempoh-tempoh (dalam tempoh empat minggu berturut-turut itu) yang ia tidak diberi kerja.

3. Jabatan Tenaga Kerja (JTK) merupakan agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab memantau pelaksanaan pemberhentian kerja sementara yang dilaksanakan oleh pihak majikan. Pihak majikan yang berhasrat untuk melaksanakan berhenti kerja sementara ini hendaklah memaklumkan pelaksanaannya kepada JTK yang terdekat sekurang-kurangnya 30 hari sebelum tindakan *lay-off* dibuat. JTK akan membuat pemantauan bagi memastikan kebajikan pekerja yang terlibat terjamin dan hak-hak mereka dapat diberikan dengan sewajarnya.

4. Dalam masa yang sama JTK akan mendapatkan maklumat kekosongan jawatan dari majikan-majikan lain sebagai persediaan untuk membantu pekerja yang terlibat untuk mendapatkan pekerjaan

lain dengan segera sekira tindakan *lay-off* ini berubah menjadi pemberhentian tetap.

5. Untuk makluman Dewan yang mulia sehingga 30 September 2014 hanya 16 majikan sahaja dilaporkan telah membuat tindakan *lay-off* yang melibatkan 992 orang pekerja. Jumlah ini jauh lebih rendah berbanding tahun 2013 dimana sebanyak 56 majikan telah membuat tindakan lay off yang menglibatkan 13,953 orang pekerja.

NO. SOALAN: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk menaik taraf sistem Parlimen di Malaysia dengan mewujudkan sesi Prime Minister's Questions atau PMQs sepertimana sistem Westminister di UK yang memperuntukkan setengah jam untuk Perdana Menteri menjawab soalan-soalan berkaitan.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN KASSIM

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan sesi masa Soalan Perdana Menteri (Prime Minister's Question Time). Ini kerana setiap pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Rakyat akan dijawab sama ada secara lisan mahupun bertulis, oleh Menteri atau Timbalan Menteri mengikut portfolio dan bidang tugas masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG
KAWASAN	:	ALOR SETAR
TARIKH	:	13.11.2014 (KHAMIS)
NO. SOALAN	:	29

YB. TUAN GOOI HSIAO-LEUNG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan tujuan permintaan Proton bagi geran RM1.7 bilion daripada Majlis Ekonomi dalam Julai 2014, dan sama ada permintaan itu telah diluluskan oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Adalah menjadi kelaziman bahawa setiap permohonan untuk mendapatkan geran R&D dinilai secara terperinci sebelum dipertimbangkan. Penilaian sama turut dibuat terhadap permohonan yang dikemukakan oleh PROTON. Ini bagi memastikan tahap sumbangan projek R&D ini ke atas pembangunan industri automotif negara serta untuk menilai jumlah yang dipohon. Justeru, Kerajaan sedang mengkaji permohonan geran R&D dan latihan tersebut dan ia masih dalam pertimbangan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, permohonan geran tersebut adalah bagi menampung perbelanjaan R&D yang dicadang dilaksanakan oleh PROTON dalam tempoh 5 tahun. Antara teknologi utama yang dicadang adalah, dengan izin, *advanced technology integration* dan *powertrain and platform rationalisation*.

Melalui teknologi terkini ini, PROTON dapat mencapai sasaran pengurangan kos pengeluaran dengan membina platform asas yang boleh diubahsuai untuk kegunaan tujuh model kenderaan yang dicadang dikeluarkan oleh PROTON, di samping meningkatkan kecekapan penggunaan bahan api.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN IBRAHIM [BANDAR TUN RAZAK]**
TARIKH	:	**13 NOVEMBER 2014**
SOALAN	:	**30**

Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan aksiom dan model penubuhan Suruhanjaya Penerbangan secara terperinci supaya ianya bebas, berkecuali dan bertanggungjawab, menitik beratkan antara lain kesaksamaan persaingan serta ketelusan penetapan caj oleh semua pemain demi manfaat pengguna tanpa menjejaskan prospek pertumbuhan industri mampan, sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sedang mengkaji penubuhan Suruhanjaya Penerbangan termasuk aksiom dan modelnya.

SOALAN NO: 31

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **Lisan**

DARIPADA : **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah**
[Lenggong]

TARIKH : **13 November 2014 (Khamis)**

SOALAN : **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

(a) usaha dan perancangan kementerian bagi menjadikan bidang pertanian sebagai pilihan utama generasi muda; dan

(b) nyatakan kesan kepada sektor pertanian akibat perubahan cuaca dunia.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian amat serius dalam mengubah persepsi negatif golongan muda terhadap sektor pertanian yang masih dianggap tidak mampu berkembang, mengamalkan cara lama dan perlu bekerja dalam persekitaran kotor. Sehubungan itu, Kementerian melalui Jabatan dan Agensi telah mengambil pelbagai langkah bagi mendekatkan dan meningkatkan penglibatan golongan muda dalam sektor pertanian yang merupakan penyumbang ketiga terbesar ekonomi negara.

Bagi menyelaras program pembangunan Usahawan Muda, Kementerian telah menubuhkan Unit Agropreneur Muda (UAM) pada bulan September 2013 yang berperanan untuk menarik lebih ramai penyertaan generasi belia yang berumur di bawah umur 40 tahun di dalam sektor pertanian menerusi pakej projek pertanian dan industri asas tani yang mampu menjana pendapatan lebih RM5,000 sebulan.

Perubahan cuaca dunia memberikan lebih banyak kesan negatif berbanding positif terhadap sektor pertanian negara. Kesan negatif kepada sektor pertanian utama negara adalah seperti berikut:

(i) Padi - kajian menunjukkan bahawa peningkatan suhu 1°C melebihi suhu optimum (35°C) berkemungkinan akan merendahkan kadar penghasilan padi sekitar 9-10%;

(ii) Sektor ternakan - perubahan cuaca mengakibatkan kesihatan ternakan di kawasan tropika terjejas seperti masalah keletihan, masalah pernafasan dan peningkatan penyakit jantung seterusnya menurunkan kadar produktiviti ternakan tersebut.

Kesan perubahan cuaca boleh dikurangkan melalui langkah-langkah yang diambil secara menyeluruh melalui aktiviti jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut:

(i) Langkah jangka pendek

- Mempertingkatkan amalan kultur dan pengurusan tanaman yang baik dan strategik seperti penggunaan sungkupan, pengairan titis dan pemangkasan dahan/ daun berlebihan; dan

- Konservasi penggunaan air merangkumi pengurusan berkala bagi sistem saliran air, memaksimumkan penggunaan sumber air sedia ada.

(ii) Langkah jangka panjang:

- Pengurusan air termasuklah teknologi pemuliharaan/ simpanan air, pengurusan sumber air dan sumber air baru serta menaik taraf infrastruktur dan pengurusan keupayaan guna air;
- Pembangunan varieti tanaman yang tahan kepada kemarau bagi tanaman utama MARDI telah mengenalpasti lapan varieti tahan kemarau yang disimpan di Gen Bank Pertanian, MARDI. Antara varieti tersebut ialah Huma Wangi Lenggong, Biris, Merah Wangi, Siam Pilihan, Pulut Malaysia 1, MR142, MR185 (varieti tempatan), IR2797-156-3, dan IR1561-243-5-6 (dari IRRI); dan
- Kerjasama dengan Jabatan Kaji cuaca Malaysia untuk membangunkan model simulasi bagi meramalkan corak perubahan suhu dikawasan tanaman padi di Malaysia bagi membantu membuat keputusan yang terbaik menangani kesan perubahan cuaca.

Bagi membantu dalam mengatasi kesan perubahan cuaca, MOA melalui Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah melaksanakan kajian secara intensif untuk menghasilkan varieti tanaman dengan tempoh matang singkat dan mempunyai daya tahan kepada kemarau. Kajian ini telah berjaya membangunkan 'Sistem Tanaman Padi Aerob' untuk kawasan yang mengalami masalah kekurangan air iaitu keperluan air hanya kira-kira 50% berbanding dengan amalan keperluan air sekarang untuk padi sawah tanpa

menjejaskan hasil. Di dalam sistem pengeluaran padi aerob ini, varieti padi berhasil tinggi ditanam di dalam keadaan tanah aerob (tiada air bertakung dan tanah adalah beroksigen), memberi respon kepada input (terutamanya baja) yang tinggi selain mendapat bantuan pengairan sekiranya air hujan tidak mencukupi.

Kajian lain yang berkaitan juga dilaksanakan oleh MARDI iaitu pembangunan teknologi pengeluaran padi inbreed dan hibrid untuk peningkatan tahap sara diri (SSL) beras Negara dan pembangunan sistem pertanian pintar iklim untuk menangani masalah perubahan iklim dan jaminan bekalan makanan Negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
YANG KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA, MESYUARAT KETIGA

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. TAN KEE KWONG**
[WANGSA MAJU]

TARIKH : **13 NOVEMBER 2013 (KHAMIS)**

SOALAN : **NO. 32**

Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keperluan FELDA untuk membangunkan ladang ternakan ikan sturgeon. Adakah ini memberi kesan buruk dengan menebang 50 ekar hutan simpan yang berusia 1500 tahun?

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FELDA kini sedang giat mengorak langkah secara lebih efektif dalam menjalankan program Inovasi dan Transformasi yang telah dimulakan sejak 2010 sebagai simbol peralihan kepada model baharu FELDA selepas lebih lima dekad semenjak penubuhannya. Sebagai sebuah agensi yang sentiasa mengambil berat kebajikan dan sosioekonomi warganya, pelan transformasi FELDA ini bertujuan untuk mencapai matlamat dalam meningkatkan kualiti, kesejahteraan hidup dan pendapatan tinggi seluruh warga peneroka serta generasi baharu FELDA melalui projek-projek berdaya maju dan mampan. Populasi warga FELDA yang semakin meningkat dari semasa ke semasa, menuntut FELDA untuk mencari sumber pendapatan baru dan tidak hanya bergantung kepada sumber yang sedia ada.

Dengan sektor perladangan yang menjadi aktiviti utama FELDA yang menghadapi pasang surut harga komoditi, kewujudan industri baru dilihat akan dapat menambahkan aktiviti ekonomi yang seterusnya berupaya menambahkan peluang pekerjaan bagi warga FELDA khususnya generasi baharu. Justeru, pelbagai inisiatif transformasi yang telah dilaksanakan seperti penyenaraian FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV) ke dalam Bursa Malaysia, penubuhan Koperasi Permodalan FELDA 2 (KPF2), penubuhan FELDA Investment Corporation Sdn. Bhd. (FIC), penubuhan FELDA Wellness Corporation Sdn. Bhd. (FWC), pelaburan dalam sektor

hartanah dan perhotelan, kerjasama strategik bersama Pasaraya terkemuka iaitu Lulu Hypermarket serta projek-projek perumahan seperti Perumahan Generasi Baharu (PGBF) dan Sentuhan Kasih FELDA.

Projek penternakan ikan *sturgeon* juga merupakan salah satu daripada inisiatif transformasi FELDA. Aktiviti akuakultur ikan *sturgeon* bagi penghasilan *caviar* berjenama tempatan untuk pemasaran global ini adalah berpotensi untuk berkembang sebagai "*agribusiness*" baharu di bawah pelaburan strategik, yang bukan sahaja boleh memanfaatkan warga FELDA, malah masyarakat Malaysia secara amnya dalam memperkasa kepelbagaian produk inovatif di sektor akuakultur.

Pelbagai manfaat lain akan diperolehi melalui projek ini seperti memberi suatu nafas baharu kepada industri eko-pelancongan sedia ada di kawasan Kuala Tahan iaitu sebagai nilai tambah kepada sektor pelancongan, sektor perniagaan kecil dan sederhana setempat, mewujudkan peluang pekerjaan kepada generasi baharu FELDA dan komuniti setempat yang seterusnya akan dapat meningkatkan taraf sosio ekonomi serta secara tidak langsung dapat menaik taraf infrastruktur asas di Kuala Tahan.

Projek pembangunan penternakan ikan s*turgeon* ini dibangunkan dengan konsep pembangunan mesra alam dan mampan. Penebangan hutan terlibat dilakukan secara seminimal yang mungkin kerana ingin mengekalkan konsep kehijauan alam sekeliling. Aktiviti penebangan di dalam kawasan cadangan projek ini tidak akan membawa kepada kesan buruk terhadap alam sekitar. Penilaian terperinci impak alam sekitar yang akan dilakukan terhadap kawasan cadangan projek akan mengenal pasti

dan menganalisa impak projek daripada pelbagai aspek alam sekitar melalui laporan penemuan kuantitatif dan kualitatif. Justeru itu, segala langkah mitigasi akan dicadangkan bagi mengurangkan potensi impak alam sekitar bagi perlaksanaan projek yang mampan. Tambahan lagi, hanya 34 ekar tanah yang akan dibangunkan daripada keseluruhan 50 ekar tanah iaitu kira-kira 60% pembangunan.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 33

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ (TANAH MERAH)**
TARIKH	:	**13.11.2014 (KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan sejauh manakah keberkesanan Program Latihan Khidmat Negara dan setakat ini berapa ramaikah yang sudah menjalani latihan itu sejak ia diperkenalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan objektif Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) tercapai, penilaian *outcome* keberkesanan latihan PLKN dilaksanakan secara berterusan melalui Kajian Persepsi Pelatih yang djalankan ke atas setiap kumpulan. Pencapaian melebihi 80% adalah merupakan penanda aras kejayaan program ini. Berdasarkan lain-lain purata pencapaian program dari tahun 2004 sehingga 2010 dalam meningkatkan semangat patriotisme adalah sebanyak 87.05%, kesukarelaan dengan 85.56%, peningkatan jati diri pelatih sebanyak 91.19%, mengukuhkan integrasi kaum sesama pelatih, 89.29% dan lain-lain faedah berdasarkan objektif pelaksanaan PLKN adalah 87.63%.

Kajian penilaian keberkesanan pelaksanaan PLKN juga telah diadakan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2010 yang melibatkan 61,950 responden. Tujuan kajian ialah untuk mengenalpasti pencapaian semangat kesukarelaan, pembentukan remaja yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri. Kajian telah menunjukkan bahawa lebih 80% daripada jumlah responden yang terdiri dari kalangan alumni, ibu bapa dan majikan bersetuju bahawa PLKN telah berjaya membawa perubahan positif kepada pelatih.

Selain daripada itu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) juga telah melaksanakan Kajian Impak Nilai Patriotisme Siswa Bekas Pelatih PLKN Negeri-negeri Utara Semenanjung Malaysia pada tahun 2013. Kajian melibatkan 3,787 responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) yang pernah menyertai PLKN, ibu bapa bekas pelatih, pemimpin masyarakat dan pelaksana PLKN. Hasil kajian ini juga telah menunjukkan maklum balas yang positif dalam semua aspek yang dinilai, khususnya berkaitan semangat patriotisme dikalangan bekas pelatih PLKN. Terkini, Jabatan sedang berbincang dengan sebuah universiti awam untuk memantapkan methodologi dan terma-terma kajian keberkesanan PLKN.

Setakat ini seramai 832,280 pelatih telah menjalani Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) sejak ianya diperkenalkan pada tahun 2004.

SOALAN NO.: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NORAINI BINTI AHMAD
[PARIT SULONG]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

SOALAN :

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah Kementerian mempunyai pendekatan baru dan strategi yang lebih berkesan dalam menangani kempen oleh pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan (NGOs) luar negara yang terus menerus menghentam industri kelapa sawit sebagai antara penyebab utama **masalah perubahan iklim global.**

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hanya segelintir Pertubuhan Bukan Kerajaan (*Non Govermental Organisations* – NGO) alam sekitar terutamanya di negara-negara barat yang menjalankan kempen anti minyak sawit yang memberi gambaran tidak tepat terhadap pembangunan industri sawit. Antaranya ialah mengenai keluasan kawasan tanaman sawit yang memberi impak kepada pelupusan kawasan hutan dan habitat hidupan liar, serta kesannya kepada alam sekitar.

Oleh yang demikian, Kementerian telah melaksanakan usaha-usaha untuk menangkis segala tohmahan dan isu dalam kempen-kempen anti sawit oleh pihak yang tidak bertanggungjawab, antaranya seperti berikut:

i. Meneruskan misi-misi teknikal dan promosi ke luar negara bagi menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak termasuk dakwaan tidak tepat dalam kempen anti minyak sawit. Pada tahun 2014, sebanyak empat (4) misi ekonomi telah diadakan dan pada bulan Disember tahun ini, satu lagi misi ke Eropah akan diadakan;

ii. Melaksanakan pelbagai seminar dan perbincangan dengan para penggubal dasar di negara-negara pengguna tentang nilai nutrisi dan kebaikan minyak sawit kepada kesihatan serta kemampanan pengeluarannya. Di antara program yang telah dilaksanakan

adalah sesi penerangan kepada ahli-ahli Parlimen di Brussel dan juga perbincangan dengan pengguna utama minyak sawit di Belgium, Perancis, Jerman dan Rusia;

iii. Mengadakan kerjasama dua hala dengan penyokong minyak sawit seperti *European Palm Oil Alliance* (EPOA);

iv. Mengambil tindakan undang-undang di mahkamah perdagangan di negara-negara di mana minyak sawit didiskriminasikan. Misalnya, Kementerian melalui Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) akan memfailkan kes di Mahkamah Perdagangan di Perancis pada bulan Disember 2014 terhadap syarikat Pasaraya Casino di Perancis yang mengedarkan produk-produk makanan dengan label "*No Palm Oil*"; dan

v. Mengkaji peruntukan-peruntukan di bawah Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) mengenai isu ini dan merangka tindakan perundangan susulan dengan kerjasama pihak-pihak berkuasa yang terlibat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain daripada itu, bagi memperkukuhkan imej industri sawit negara, pendekatan baharu yang dilaksanakan termasuk:

i. Melaksanakan pensijilan minyak sawit mampan melalui *Malaysian Sustainable Palm Oil* (MSPO). MSPO dibangunkan dengan mengambil kira peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan dalam negara berkaitan dengan pembangunan dan

pengurusan tanaman sawit secara mampan. Pensijilan ini akan dilaksanakan secara sukarela mulai tahun 2015 dan akan dipertimbangkan pelaksanaan secara mandatori selepas 5 tahun;

ii. Menerbitkan hasil kajian terhadap penilaian kitar hidup (*Life Cycle Assessment* – LCA) ke atas tanaman sawit dalam jurnal-jurnal antarabangsa. Kajian ini menunjukkan bahawa produk sawit seperti biodiesel sawit menyumbang kepada pengurangan pelepasan Gas Rumah Hijau; dan

iii. Menjenamakan minyak sawit Malaysia dari sudut kemampanan dan kandungan nutrisinya di pasaran-pasaran utama di Eropah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Industri sawit merupakan salah satu tonggak ekonomi negara dan hampir 40% daripada tanaman sawit dipelopori oleh sektor pekebun kecil. Oleh yang demikian, Kementerian sentiasa mengambil tindakan-tindakan proaktif bagi memastikan pertumbuhan industri ini tidak terjejas dengan dakwaan-dakwaan yang tidak berasas oleh NGOs.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7208

SOALAN:

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permohonan dan penganugerahan kewarganegaraan Malaysia dalam tempoh 1990-2014 mengikut spesifikasi umur, jantina dan negara asal. Apakah langkah-langkah Kementerian dalam memastikan setiap permohonan adalah tulen dan apakah tempoh masa yang diambil untuk proses Tapisan Keselamatan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Dalam Negeri, jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia daripada warga asing dari tahun 1990 sehingga 15 September 2014 mengikut umur, jantina dan negara asal adalah seperti berikut:

i. Mengikut Umur

BIL.	UMUR (TAHUN)	JUMLAH PERMOHONAN
1.	11 hingga 20	88
2.	21 hingga 30	9,294
3.	31 hingga 40	18,685
4.	41 hingga 50	24,141
5.	51 hingga 60	19,857
6.	61 tahun ke atas	17,043
JUMLAH KESELURUHAN		89,108

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

ii. **Mengikut Jantina**

BIL.	Jantina	JUMLAH PERMOHONAN
1.	Lelaki	40,338
2.	Perempuan	48,770
JUMLAH KESELURUHAN		89,108

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

iii. **Mengikut tiga (3) negara luar tertinggi**

BIL.	NEGARA LUAR	JUMLAH PERMOHONAN
1.	Indonesia	36,179
2.	India	8,156
3.	Cambodia	5,500

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

Manakala jumlah penganugerahan kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing dalam tempoh yang sama mengikut kategori tersebut adalah seperti berikut:

i. Mengikut Umur

BIL.	UMUR (TAHUN)	JUMLAH PENGANUGERAHAN (ORANG)
1.	11 hingga 20	21
2.	21 hingga 30	4,211
3.	31 hingga 40	11,656
4.	41 hingga 50	18,864
5.	51 hingga 60	14,643
6.	61 tahun ke atas	10,700
JUMLAH KESELURUHAN		60,095

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

ii. Mengikut Jantina

BIL.	Jantina	JUMLAH PENGANUGERAHAN (ORANG)
1.	Lelaki	22,880
2.	Perempuan	37,215
JUMLAH KESELURUHAN		60,095

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

iii. Mengikut tiga (3) negara luar tertinggi

BIL.	NEGARA LUAR	JUMLAH PENGANUGERAHAN (ORANG)
1.	Indonesia	23,298
2.	India	6,183
3.	Cambodia	3,084

Sumber : Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia

Tarikh Kemas Kini : 15 September 2014

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam memproses dan mempertimbangkan permohonan kewarganegaraan Malaysia daripada warga asing, Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara mengambil beberapa langkah untuk memastikan ketulenan permohonan tersebut. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

i. Pemohon dikehendaki untuk hadir sendiri di hadapan Pendaftar Warganegara bagi mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia kerana ia melibatkan proses merekodkan cap ibu jari;

ii. Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara akan membuat pengesahan terhadap pemilikan Permit Masuk dan Kad Pengenalan Merah bertaraf Pemastautin Tetap (MyPR) serta

memastikan semua salinan dokumen yang dikemukakan disahkan sama dengan dokumen asal;

iii. Pemohon dikehendaki untuk menduduki temuduga yang telah ditetapkan; dan

iv. Pegawai Jabatan Pendaftaran Negara akan menyelaras dan bekerjasama dengan agensi lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia untuk memastikan kesahihan dokumen perjalanan pemohon.

Mengenai tempoh yang diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia untuk memproses tapisan keselamatan, tiada tempoh masa yang ditetapkan memandangkan sesuatu tapisan yang dibuat adalah bergantung kepada latar belakang pemohon. Walau bagaimanapun, bagi tapisan keselamatan yang telah selesai dilakukan, maka lazimnya tapisan tersebut akan dipanjangkan kepada pihak yang berkenaan dengan kadar segera.

NO. SOALAN: 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD [KOTA RAJA]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7209

SOALAN:

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status Program 6P dan sejauh manakah kejayaan Kerajaan mengurangkan jumlah PATI di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pada masa ini Program 6P berada dalam fasa yang terakhir iaitu program penguatkuasaan. Kerajaan telah melancarkan Operasi 6P Bersepadu yang diterajui oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi fasa pertama pada 1 September 2013 hingga 8 Oktober 2013 dan fasa kedua pada 21 Januari 2014 hingga 11 Mac 2014. Kementerian masih meneruskan program penguatkuasaan Operasi Secara Bersepadu Fasa 1 bermula 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 dan Operasi Secara Bersepadu Fasa 2 bermula 21 Januari 2014 hingga 23 September 2014.

Operasi Bersepadu 6P Fasa 2 yang dilancarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia pada 21 Januari 2014 sehingga 18 Mac 2014, seramai 11,460 orang PATI telah diusir ke negara asal. Jumlah pengusiran mengikut lima negara tertinggi adalah seperti berikut:-

i) Indonesia – 4,929 orang
ii) Filipina – 2,303 orang
iii) Bangladesh – 734 orang
iv) Myanmar – 626 orang; dan
v) Nepal – 525 orang

Jumlah PATI ditangkap melalui operasi bersepadu Fasa 1 bermula 1 September 2013 hingga 20 Januari 2014 adalah seramai 17,455 orang dan bagi Fasa 2 bermula 21 Januari 2014 hingga 23 September 2014 adalah seramai 23,038 orang .

NO. SOALAN: 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah benar sistem perundangan dan kehakiman negara kita sudah terhakis atau ia hanyalah satu persepsi buruk sahaja akibat tindakan sesetengah pihak. Apakah punca dan sebab kenapa terjadi sedemikian dan apakah usaha Kerajaan untuk mendepani keadaan ini.

JAWAPAN: <u>PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI</u>
<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Utama Negara. Sistem demokrasi berparlimen melibatkan pembahagian kuasa antara tiga badan dalam suatu pemerintahan, iaitu Eksekutif, Perundangan dan Kehakiman.

2. Badan Perundangan berperanan sebagai penggubal undang-undang bagi Persekutuan dan Negeri. Badan ini terdiri daripada Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Badan ini juga terlibat dalam memeriksa dasar Kerajaan, meluluskan perbelanjaan Kerajaan, meluluskan hasil cukai yang baru dan menjadi menjadi forum untuk membincangkan perkara yang berkaitan dengan kepentingan awam.

3. Badan Kehakiman pula berperanan untuk memastikan Perlembagaan Persekutuan dipatuhi dan keadilan ditegakkan mengikut peruntukan undang-undang. Selain berperanan membicarakan segala masalah perundangan yang timbul antara individu-individu dan antara individu dengan negara, Badan Kehakiman melalui mahkamah juga berperanan untuk mentafsir undang-undang.

4. Fasal (2) Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan kuasa dan fungsi Peguam Negara iaitu untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong atau Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri mengenai apa-apa perkara undang-undang (*legal matters*), dan melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang (*legal character*).

5. Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang asas dan teras untuk mentadbir negara dan adalah undang-undang utama Negara. Pembahagian kuasa kepada Badan Perundangan dan Badan Kehakiman adalah sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini menjamin tidak berlakunya campur tangan kuasa antara eksekutif, kehakiman dan perundangan. Sistem perundangan dan kehakiman negara juga adalah bebas dan tidak terikat dengan sesiapa sahaja. Oleh itu tidak timbul isu sistem perundangan dan kehakiman negara sudah terhakis kerana Perlembagaan Persekutuan yang menentukan kuasa dan peranan Badan Perundangan dan Badan Kehakiman.

6. Objektif utama sistem perundangan dan kehakiman negara adalah untuk memberikan keadilan dan mengekalkan undang-undang serta ketenteraman awam demi kestabilan dan keamanan sesebuah negara. Di samping itu, doktrin pengasingan kuasa yang diamalkan oleh negara kita juga memastikan setiap cabang Eksekutif, Legislatif dan Kehakiman dapat menjalankan tugas masing-masing secara bebas dan berkecuali.

7. Persepsi buruk terhadap sistem perundangan dan kehakiman negara berkemungkinan disebabkan kurangnya kesedaran atau kefahaman

masyarakat mengenai fakta sebenar sesuatu kes dan asas yang membolehkan sesuatu tindakan pendakwaan diambil juga penjalanan perbicaraan di mahkamah termasuk ketidakpuasan hati terhadap penghakiman mahkamah. Penyebaran maklumat yang tidak berasas melalui media sosial turut menyumbang kepada wujudnya persepsi negatif tersebut.

8. Keputusan mahkamah dibuat berdasarkan hujahan pihak-pihak dan keterangan yang dikemukakan di mahkamah. Mahkamah bebas membuat penilaian ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan seterusnya membuat keputusan berdasarkan keterangan tersebut. Alasan penghakiman yang disediakan bagi kes-kes yang dirayukan tertakluk kepada penelitian ketat oleh Mahkamah di peringkat rayuan. Keputusan yang khilaf atau tidak sah di sisi undang-undang akan diperbetulkan melalui proses undang-undang. Oleh itu dakwaan bahawa sistem kehakiman negara telah terhakis adalah tidak berasas.

9. Berhubung dengan pendakwaan pula, sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa mana-mana individu telah melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang, individu tersebut akan didakwa mengikut peruntukan undang-undang tersebut tanpa mengira statusnya. Prinsip yang sama adalah terpakai bagi penguatkuasaan semuau ndang-undang jenayah di Negara ini.

10. Keputusan sama ada untuk mengemukakan pertuduhan atau tidak terhadap mana-mana orang adalah berdasarkan kepada keterangan dan fakta kejadian, dan bukanlah atas desakan oleh mana-mana pihak atau

apa-apa faktor yang lain. Keputusan tersebut dibuat dengan adil, tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras intergriti bagi memastikan mangsa, saksi, tertuduh dan orang awam memperoleh keadilan dengan sewajarnya.

11. Kedua-dua Badan Perundangan dan Kehakiman sentiasa berusaha dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan kepercayaan orang awam terhadap sistem perundangan dan kehakiman Negara. Antaranya adalah penggubalan undang-undang berhubung dengan pelantikan hakim, iaitu Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 [Akta 695] di samping usaha-usaha berterusan untuk mempertingkatkan profesionalisma pegawai undang-undang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	YB. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
KAWASAN	:	LANGKAWI
TARIKH	:	13.11.2014 (SELASA)
NO. SOALAN	:	38

YB. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan:

a. Apakah benar Malaysia akan kehilangan hasil sumber pendapatan dengan pemansuhan duti import apabila TPP dilaksanakan; dan

b. Sejauh manakah TPP ataupun perjanjian perdagangan bebas dapat membantu dalam mengurangkan beban hidup rakyat sekiranya duti import sesuatu barangan import telah dikurang ataupun dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Perdagangan antarabangsa merupakan enjin pertumbuhan ekonomi yang penting kepada negara. Malaysia merupakan antara negara yang menerima manfaat daripada proses liberalisasi perdagangan dunia. Selain daripada proses liberalisasi perdagangan antarabangsa melalui Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa atau World Trade Organisation (WTO), Malaysia turut menerokai langkah-langkah liberalisasi menerusi ASEAN dan mengadakan rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas atau *Free Trade Agreement* (FTA), dengan izin.

Antara matlamat utama dalam semua rundingan FTA ialah penghapusan dan pengurangan duti import oleh semua Parti supaya halangan perdagangan boleh dikurangkan dan urusan perdagangan boleh dipermudahkan. Ingin dimaklumkan juga bahawa walaupun duti import dikurangkan atau dihapuskan di bawah mana-mana FTA termasuk TPP, Kerajaan masih berhak untuk melaksanakan dasar-dasar domestik yang lain. Ini termasuklah pelaksanaan duti eksais atau cukai jualan yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan ke atas mana-mana produk. Pada masa yang sama, produk-produk yang dikategorikan sebagai sensitif kepada negara seperti minuman keras dan tembakau akan dikenakan tempoh transisi yang paling panjang di dalam rundingan TPP serta masih tertakluk kepada peraturan-peraturan domestik.

Untuk makluman dewan yang mulia jua, penghapusan duti import oleh Malaysia pada hari ini telah hampir mencecah 70 peratus. Ini bermaksud terdapat hanya sekitar 30 peratus barangan yang memasuki pasaran Malaysia masih dikenakan duti import.

Tuan Yang Dipertua,

Melalui analisis awal berdasarkan tawaran akses pasaran barangan yang masih dirundingkan, adalah didapati bahawa penjimatan serta merta yang akan dinikmati oleh pengeksport Malaysia adalah sekitar USD 257 juta. Memandangkan TPP dirundingkan dengan matlamat akhir supaya hampir kesemua duti import dihapuskan, adalah dijangka bahawa angka penjimatan tersebut akan terus meningkat memandangkan industri tempatan kini telah melangkaui pasaran domestik dan turut bersaing di pasaran asing.

FTA terawal yang ditandatangani oleh Malaysia adalah ASEAN FTA atau AFTA pada tahun 1992 dan semenjak itu, pasaran Malaysia telah terbuka luas dari segi perdagangan antarabangsa. Dalam tempoh tersebut, negara telah melihat ekonomi berkembang maju, bertambah kompetitif dari segi kualiti dan harga produk serta mempunyai daya persaingan setimpal dengan ekonomi lain. Dengan perkembangan tersebut, rakyat jelata secara amnya telah mendapat manfaat oleh perlaksanaan FTA menerusi pilihan produk barangan atau perkhidmatan dalam pasaran yang lebih luas dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang Dipertua,

FTA merupakan satu mekanisme untuk membawa kemajuan kepada negara serta meningkatkan daya persaingan supaya Malaysia masih kekal relevan di dunia. Kerajaan Malaysia menyedari bahawa terdapat skop yang mungkin membimbangkan sesetengah golongan masyarakat, oleh itu kesemua FTA yang dirundingkan oleh Kerajaan Malaysia mengambil kira kepentingan hampir kesemua golongan rakyat serta sentiasa dibimbing oleh analisis kos faedah.

SOALAN NO: 39

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN : Tuan Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan pasar tani anjuran FAMA yang telah diwujudkan di seluruh negara mengikut negeri dan nyatakan jumlah jualan yang dapat dikutip perniaga-perniaga pasar tani ini sepanjang tahun 2013 dan 2014 serta sejauh manakah sasaran untuk mewujudkan 1000 pasar tani FAMA dapat diwujudkan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga Disember 2013, sebanyak 517 buah pasar tani telah dibangunkan dengan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

(i)	Perlis	–	18 buah
(ii)	Kedah	–	26 buah
(iii)	Pulau Pinang	–	16 buah

(iv)	Perak	–	33 buah
(v)	Selangor	–	64 buah
(vi)	Negeri Sembilan	–	44 buah
(vii)	Melaka	–	31 buah
(viii)	Johor	–	70 buah
(ix)	Kelantan	–	32 buah
(x)	Pahang	–	48 buah
(xi)	Terengganu	–	22 buah
(xii)	Sabah	–	39 buah
(xiii)	Sarawak	–	58 buah
(xiv)	Wilayah Persekutuan	–	16 buah

Nilai jualan yang telah dikutip sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak RM669 juta.

Manakala bagi tahun 2014, sasaran adalah sebanyak 60 buah pasar tani baru dan sehingga kini sebanyak 36 buah pasar tani baru telah dibangunkan. Oleh itu, sehingga bulan September 2014, sebanyak 553 buah pasar tani telah dibangunkan dengan penglibatan seramai 24,979 usahawan di seluruh negara serta kutipan nilai jualan sebanyak RM558 juta.

FAMA juga telah mensasarkan untuk membangunkan 1000 pasar tani menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, pembangunan pasar tani adalah tertakluk kepada kerjasama dan kelulusan tapak oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan peruntukan mencukupi daripada Kementerian Kewangan.

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

YB Dato' Fauzi Bin Abdul Rahman [Indera Mahkota] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia meletakkan Petronas di bawah Parlimen agar hasil petroleum milik rakyat yang juga penyumbang terbesar ekonomi negara itu dipantau urusannya oleh rakyat melalui Parlimen.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

PETRONAS diperbadankan di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] dan didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965. Kerajaan berpendirian bahawa peruntukan di dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974 [Akta 144] adalah mencukupi bagi PETRONAS memainkan peranannya secara berkesan mengikut perkembangan dan tuntutan semasa.

Sebagai sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965, PETRONAS menyediakan laporan kewangan mengikut syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia serta diaudit oleh juruaudit bertauliah antarabangsa.

Di samping itu, PETRONAS turut menerbitkan Laporan Tahunan yang lengkap dengan laporan kewangan dan laporan operasi pada setiap tahun. Laporan-laporan tersebut juga disiarkan dalam laman web PETRONAS iaitu www.petronas.com.my dan boleh dimuat-turunkan oleh pihak umum dan mana-mana pihak berminat.

Selain itu, PETRONAS juga mengumumkan keputusan kewangan setiap suku tahun kepada pihak media dan pihak umum yang disiarkan di laman web PETRONAS serta dilaporkan di dalam akhbar-akhbar semasa. Pendedahan dan keterbukaan PETRONAS dalam melaporkan laporan prestasi dan aktiviti yang dijalankan telah pun dibuat secara

menyeluruh dan terperinci untuk dikaji dan diteliti oleh mana-mana pihak yang berminat termasuk Ahli-ahli Parlimen. Sehubungan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk meletakkan PETRONAS di bawah Parlimen.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN ABDUL

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

(a) selaras dengan Artikel 113 (4) Perlembagaan Persekutuan, adakah Kerajaan berhasrat untuk membenarkan Suruhanjaya Pilihan Raya memulakan pilihan raya di peringkat Kerajaan Tempatan; dan

(b) apakah halangan-halangan utama yang menyebabkan Kerajaan enggan mengadakan pilihan raya di peringkat Kerajaan Tempatan seperti amalan di 1 negara-negara maju dan membangun yang lain.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa undang-undang persekutuan atau negeri boleh memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan Fasal (4) Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan, SPR boleh menjalankan pilihan raya selain pilihan raya yang disebut dalam Fasal (1) sekiranya diberi kuasa oleh undang-undang persekutuan atau negeri.

Sebelum ini, undang-undang persekutuan yang berkaitan dengan pilihan raya kerajaan tempatan ialah Akta Pilihan Raya Kerajaan Tempatan 1960 [Akta 473]. Bahagian V Akta 473 tersebut, mempunyai peruntukan mengenai kuasa SPR untuk menyelia pilihan raya bagi melantik Anggota Majlis sesuatu pihak berkuasa tempatan. Walau bagaimanapun, semua peruntukan berhubung dengan pilihan raya kerajaan tempatan dalam Akta 473 telah dimansuhkan oleh subseksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Seksyen 10, Akta 171 pula menghendaki keanggotaan sesuatu Majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dibuat secara pelantikan (*by appoinment*). Justeru itu, SPR tidak boleh menjalankan Pilihan Raya

Kerajaan Tempatan kerana undang-undang tidak membenarkannya berbuat demikian.

Perkara ini juga telah diputuskan sebulat suara di peringkat Mahkamah Persekutuan dalam kes Kerajaan Pulau Pinang dan satu lagi lawan Kerajaan Malaysia dan satu lagi pada 14 Ogos 2014. [Government State Of Penang & ANOR v. Government Of Malaysia & ANOR].

Kerajaan juga tidak berhasrat untuk mengadakan pilihan raya di peringkat Kerajaan Tempatan kerana sistem sedia ada masih sesuai untuk diteruskan.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 42

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kerajaan akan menangani dan mencari suatu penyelesaian segera dan efektif dalam kes penukaran dan pengislaman anak-anak dengan mendapat keizinan daripada sebelah pihak ibu atau bapa sahaja di mana kabinet memutuskan untuk mengharamkannya pada tahun 2009.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa-apa penyelesaian yang hendak dibuat perlu merujuk kepada Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan dan subperenggan 95(b) Akta Pentadbiran Undang-

Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] di mana agama bagi kanak-kanak yang berumur di bawah lapan belas tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Dalam kes **Subashini a/p Rajasingam lawan Saravanan a/l Thangathoray [2008] 2 MLJ 147,** Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa berdasarkan Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan, agama anak yang di bawah umur boleh ditetapkan oleh ibu atau bapa masing-masing.

Oleh yang demikian, semua pihak adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada dan keputusan Mahkamah berhubung perkara tersebut.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 43

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA**
KAWASAN	:	**KETEREH**
TARIKH	:	**13 NOVEMBER 2014, KHAMIS**

SOALAN:

YB. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA (KETEREH) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tempoh dan fasa-fasa pembinaan Lebuh Raya Kota Bharu - Kuala Krai yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan dan berapakah anggaran kos keseluruhan projek berkenaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop projek Jalan Kota Bharu – Kuala Krai melibatkan cadangan membina jalan baru 4 lorong 2 hala sepanjang 73.5km dengan reka bentuk piawaian JKR R5.

Anggaran kos keseluruhan projek ini ialah sebanyak RM2.16 billion. Berikutan kos projek yang tinggi itu, Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek ini secara berfasa, iaitu bersambung ke RMKe-11. Berdasarkan perancangan JKR, pelaksanaan projek Jalan Kota Bharu – Kuala Krai ini telah dibahagikan kepada 3 pakej seperti berikut, iaitu Pakej 1: Wakaf Siku ke Kadok (12.5km); Pakej 2: Kadok ke Bukit Tiu (28.5km); dan Pakej 3: Bukit Tiu ke Dusun Damar (32.5km).

Pada masa ini, pakej untuk fasa-fasa yang telah ditender dan akan dilaksanakan terlebih dahulu ialah melibatkan Fasa 1 (Pakej 1B) dari Pasir Hor ke Kadok (7km) dan Fasa 2 (Pakej 2A) dari Kadok ke Ketereh (6.85km). Manakala untuk pakej bagi fasa-fasa lain dijangka akan dilaksanakan dalam RMKe-11 tertakluk kepada kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat.

Sekian. Terima kasih.

Soalan No :44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN]

TARIKH : 13.11.2014

SOALAN :

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

(a) mengenai cadangan pelaksanaan Sekolah Menengah Kg. Paris, Kinabatangan; dan

(b) cadangan menaiktaraf Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kg. Sukau, Kinabatangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan SMK Paris, Kinabatangan telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Pertama, RMKe-10 untuk dilaksanakan. Walau bagaimanapun, projek ini telah lewat dimulakan berikutan isu tanah yang masih belum selesai ketika itu. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini dalam proses melantik perunding (juru ukur tanah).

(b) Bagi pembinaan sekolah baharu SMK Sukau pula, KPM belum pernah menerima sebarang permohonan berkaitan perkara tersebut. Kementerian akan meneliti dengan lebih lanjut akan perkara ini dan sekiranya terdapat justifikasi kukuh, cadangan pembinaannya akan disenaraikan dalam permohonan RMKe-11 mengikut keutamaan.

RJM110

SOALAN NO.: 45

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH**
KAWASAN	:	**KUALA TERENGGANU**
TARIKH	:	**13 NOVEMBER 2014, KHAMIS**

SOALAN:

YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH (KUALA TERENGGANU) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status LPT 2 sekarang setelah diberi pengesahan pada sesi Parlimen awal tahun 2014 ianya akan siap sepenuhnya pada September 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2014 kemajuan fizikal keseluruhan projek Lebuh Raya Pantai Timur, Fasa 2 (LPT2) di Terengganu ialah 97%.

Pada masa kini 130km dari 184km (70%) daripada jarak keseluruhan LPT2 telah siap dan dibuka kepada pengguna, iaitu melibatkan jajaran dari Persimpangan Jabor – Cheneh dan dari Persimpangan Paka – Bukit Besi – Kuala Terengganu.

Pembukaan baki jajaran LPT2, iaitu melibatkan jajaran dari Persimpangan Cheneh – Paka yang dijadualkan siap pada bulan September 2014 terpaksa ditangguhkan kepada bulan Disember 2014. Ini disebabkan kegagalan pihak kontraktor untuk menyiapkan kerja-kerja pembinaan yang melibatkan Pakej 3, 6 dan 7 mengikut tempoh kontrak semasa yang ditetapkan.

Sehubungan itu dijangkakan keseluruhan jajaran LPT2 akan siap dan dibuka sepenuhnya pada akhir tahun 2014.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 46

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN DR. CHE ROSLI CHE MAT [HULU LANGAT]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan hala tuju polisi campuran bahan api (*fuel mix policy*) untuk pembekalan elektrik pada masa hadapan dan apakah perancangan Kementerian untuk mengurangkan kebergantungan kepada bahan api fosil seperti gas asli dan arang batu.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Secara dasarnya, sektor elektrik di Malaysia bergantung kepada tiga bahan api penjanaan utama iaitu gas, arang batu dan hidro. Sungguhpun Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Lima Bahan Api pada tahun 2001 dengan mengambilkira tenaga boleh baharu (TBB) sebagai salah satu daripada sumber bahan api penjanaan elektrik, peratus sumbangan RE dalam campuran bahan api pada masa ini amatlah kecil. Penggunaan pelbagai campuran bahan api ini dibuat berdasarkan dua strategi penting iaitu menjamin keselamatan bekalan tenaga elektrik (mencukupi dan berdaya harap) dan juga harga yang berpatutan. Dalam hal ini, empat faktor utama yang diambil kira dalam menentukan campuran tenaga optimum adalah ketersediaan (*availability*), akses (*accessibility*), mampu bayar (*affordability*) dan kebolehterimaan (*acceptability*).

2. Kementerian sedang melaksanakan pembangunan loji berasaskan arang batu dan gas di Semenanjung dengan jumlah kapasiti keseluruhan

sebanyak 7400MW sehingga tahun 2020. Justeru itu, berdasarkan kepada kedudukan campuran bahan api pada masa ini, kebergantungan sektor penjanaan elektrik negara terhadap dua sumber bahan api fosil utama, iaitu gas dan arang batu, adalah diunjurkan kekal menjadi sumber utama bagi penjanaan elektrik khususnya bagi memenuhi permintaan *baseload* sehingga 2030.

3. Bagaimanapun, berpandukan kepada Dasar Lima Bahan Api campuran, pembangunan sumber hidro akan terus ditingkatkan dengan tambahan sebanyak hampir 805MW daripada potensi sumber hidro termasuk 372MW daripada Projek Hidroelektrik Ulu Jelai dan 250MW daripada Projek Hidroelektrik Ulu Terengganu di Semenanjung. Bagi langkah jangka panjang, Kerajaan juga telah bersetuju untuk mendapatkan bekalan elektrik melalui sambungan dari Sarawak. Dalam pada itu, Kerajaan akan terus meningkatkan penggunaan tenaga boleh baharu seperti solar, biomas dan biogas sebagai sumber sokongan kepada penggunaan bahan api fosil. Kerajaan juga sedang mengkaji potensi pelbagai sumber alternatif lain seperti geothermal, angin dan tenaga haba daripada laut (*ocean thermal energy*) dalam usaha menjamin keselamatan bekalan dengan harga yang berpatutan.

****

NO. SOALAN: 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
[SEPANG]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7210

SOALAN:

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) adakah Kerajaan akan membuka semula pejabat pendaftaran negara dan Pejabat Imigresen Cawangan Sungai Pelek yang telah ditutup di Bandar Baru Salak Tinggi; dan

(b) adakah Kerajaan akan mempercepatkan pembinaan balai polis di Putra Perdana.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) **Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak bercadang untuk membuka semula Pejabat Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara Sungai Pelek berikutan KDN akan menggunapakai pejabat sedia ada yang berdekatan iaitu Pejabat Imigresen dan Pejabat Pendaftaran Negara Cawangan Banting yang mempunyai kelengkapan infrastruktur yang lengkap selain mampu untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk di kawasan Sungai Pelek yang jaraknya lebih kurang 25 kilometer sahaja.**

(b) **Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, premis Balai Polis Putra Perdana ini pada asalnya telah disewa oleh pihak pemaju perumahan bagi kegunaan PDRM daripada pemilik persendirian sejak tahun 2003. Ia merupakan sebuah rumah kedai yang terletak di Lot 1326, Taman Putra Perdana. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013, pemilik rumah kedai berkenaan telah menaikkan harga sewaan yang lebih tinggi mengikut kadar sewaan semasa.**

Disebabkan kenaikan kadar sewaan itu, serta ketidakmampuan pihak pemaju untuk membayar sewaan tersebut maka pihak pemilik telah meminta pihak PDRM supaya mengosongkan premis sewaan berkenaan. Pihak

PDRM tidak mempunyai pilihan lain selain terpaksa mengosongkan premis tersebut serta menghentikan sementara operasinya di premis berkenaan.

Lanjutan daripada itu, pihak PDRM telah mengambil tindakan susulan dengan mengenalpasti beberapa lokasi baru bagi tujuan meneruskan operasi balai berkenaan. Akhirnya pihak PDRM telah memilih untuk menumpang sementara operasi balai tersebut di Pondok Polis Putra Prima yang terletak kira-kira 7 km daripada balai polis sedia ada.

Oleh yang demikian, perlu ditegaskan bahawa Kerajaan sebenarnya tidak menutup, atau tidak pula berhasrat untuk menghentikan operasi Balai Polis Putra Perdana. Balai Polis tersebut masih beroperasi dan menjalankan tugas menjaga keselamatan dan ketenteraman awam seperti biasa kepada para penduduk di sekitar kawasan terbabit. Cuma lokasinya sahaja terpaksa dipindahkan ke premis yang berbeza disebabkan masalah sepertimana yang telah dijelaskan terdahulu.

Dalam hal ini, sebuah Balai Polis baru akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bagi penduduk di Putra Perdana.

Walau bagaimanapun, pihak PDRM bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri sentiasa memantau perkembangan di kawasan tersebut dari semasa ke semasa dan tindakan sewajarnya akan diambil sekiranya terdapat keperluan untuk membina sebuah balai polis khusus di kawasan tersebut dalam masa terdekat.

NO. SOALAN: 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014

SOALAN : 48

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini rancangan pembinaan loji jana kuasa nuklear di Malaysia termasuk lokasi-lokasi (negeri dan daerah) yang dikenalkan sesuai untuk loji tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, Kajian Perundangan dan Kawalseliaan Tenaga Nuklear telah siap pada akhir tahun 2013. Hasilnya adalah draf Rang Undang-Undang Kawalseliaan Tenaga Atom untuk menggantikan Akta Pelesenan Tenaga Atom (Akta 304) 1984.

Di samping itu, Kajian Kemungkinan, atau dengan izin, *Feasibility Study*, dan penyediaan Pelan Pembangunan Infrastruktur Kuasa Nuklear, atau dengan izin, *Nuclear Power Infrastructure Development Plan* (NPIDP), pula dijadualkan siap pada tahun 2015.

Kajian pendapat umum mengenai penggunaan tenaga nuklear pada peringkat kebangsaan akan dimulakan dan dijangka siap pada tahun 2015. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti pendapat umum dan isu-isu yang dibangkitkan oleh mereka. Hasil kajian ini akan digunakan untuk merangka program penyebaran maklumat yang menepati keperluan maklumat untuk disampaikan kepada masyarakat umum.

Kajian pemilihan tapak yang sesuai untuk pelaksanaan loji janakuasa nuklear pula akan hanya dimulakan setelah mengambilkira hasil kajian pendapat umum tersebut. Oleh itu, lokasi tapak yang sesuai belum diperolehi.

Sekian, terima kasih.